

# Sikap terbuka perlu bagi

a. Berian OO  
majukan  
31 JAN 1987  
silat

PANCAR SILAT

KUALA LUMPUR, Ju-maat — Guru-guru silat negara ini diminta mengamalkan sikap dan fikiran terbuka dan positif bagi memajukan seni silat sebagai warisan budaya bangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Jabar, berkata warisan budaya yang sangat tinggi nilainya itu patut diperkembangkan secara bijak, berpanduan peraturan yang kemas dan mencakupi bidang latihan yang berterusan sehingga layak ke peringkat antarabangsa.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan ke-21 Persatuan Seni Silat Cekak Melayus di Dewan Serbaguna Taman Seri Keramat di sini, hari ini.

Katanya, seni silat se-suai dan wajar dikembangkan di institusi pengajian tinggi, sekolah dan di kalangan anggota tentera dan polis.

"Usaha ini bukan sahaja akan dapat mengekal-kan warisan budaya bangsa serta membentuk fizikal dan mental yang sihat, malah boleh mena-nam semangat patriotik di kalangan rakyat," katanya.

Beliau yakin melalui kegiatan seni silat, amalan tidak sihat di kalangan anak-anak muda dapat dikurangkan dan cita-cita untuk mencapai matlamat kebudayaan kebangsaan dapat diperku-kuhkan.

Haji Awang juga ber-kata perbezaan antara pelbagai seni silat Mela-yu di negara ini tidak se-patutnya mewujudkan polarisasi dan menjadi punca perpecahan orang Melayu.

"Ia harus dilihat seba-gai satu kekayaan seni budaya yang perlu dipupuk dan diperkenalkan ke seluruh rantau ini se-bagi satu landasan bagi mencapai hasrat dan cita-cita memperku-kuhkan perpaduan umat," je-lasnya.

Beliau menyifatkan silat sebagai satu seni mempertahankan diri yang wujud sejak zaman dahulu dan ia mewujud-kan pahlawan yang da-pat mengekalkan keperi-badian, kemegahan dan kesatuan rumpun bangsa Melayu.



HAJI AWANG